

**Potensi Dan Cabaran Perintah Komital Kerana Ingkar Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah
Selangor**

*The Potential and Challenges of Committal Orders for Contempt of Maintenance Orders in the Syariah
Courts of Selangor*

Mohamad Omar Mansu[✉], Zaini Nasohah

Management and Science University, University Drive, Off Persiaran Olahraga, 40100 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Pelanggaran perintah nafkah menjadi perkara yang saban tahun berlaku. Berdasarkan data dari Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, pada hingga 2017 sebanyak 12,983 kes tuntutan nafkah telah didaftarkan di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Selangor mencatatkan jumlah pendaftaran tertinggi dengan 3,409 kes dan meningkat sebanyak 3,949 kes pada tahun 2018-2023. Antara faktor berlakunya pelanggaran nafkah ialah kecuaiannya plaintif dan kurangnya kegerunan terhadap perintah mahkamah. Perintah komital merupakan salah satu alternatif yang boleh dilaksanakan dalam kaedah penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah. Perintah komital di Negeri Selangor khususnya diperuntukkan pada seksyen 151, 181 dan 229 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Selangor 2003 (ETMSS 2003). Objektif kajian ini adalah mengenalpasti potensi perintah komital kerana ingkar perintah nafkah serta cabaran dalam menguatkuasakan perintah komital di Selangor. Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan temubual separa berstruktur. Kajian dianalisa melalui kaedah deskriptif dan induktif. Dapatan kajian mendapati bahawa perintah komital boleh menjadi satu mekanisme dan berpotensi dalam mengembalikan hak nafkah yang tertunggak. Selain itu, terdapat cabaran-cabaran dalam menguatkuasakan perintah komital seperti sikap pihak-pihak, kelemahan penguatkuasaan perintah, bayaran fi yang mahal dan tempoh perbicaraan. Kajian ini turut mencadangkan beberapa langkah bagi menambah baik perintah penguatkuasaan nafkah seperti penyelarasan fi dan kos, penggabungan sebutan kes dan meringkaskan tuntutan kes. Implikasi kajian artikel ini memberi informasi terkini kepada pemohon mengenai alternatif perintah komital selain memberi implikasi kepada penggubal undang-undang untuk merencana strategi berkesan bagi mengatasi cabaran-cabaran penguatkuasaan perintah nafkah.

KATA KUNCI

Perintah Komital, Pemenjaraan, Perintah nafkah

Article History

Received: June 10, 2025

Revised: June 11, 2025

Accepted: June 17, 2025

Published: July 1, 2025

✉ Contact

Mohamad Omar Mansu
(Corresponding Author)
mohamad_omar@msu.edu.my

Citation

Mohamad Omar Mansu & Zaini Nasohah. 2025. Potensi Dan Cabaran Perintah Komital Kerana Ingkar Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah Selangor. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 10(1): 1-9.

ABSTRACT

The violation of court-ordered maintenance remains a recurring issue each year. According to data from the Department of Syariah Judiciary Malaysia (JKSM), a total of 12,983 maintenance claims were registered in Syariah Courts throughout Malaysia from 2013 to 2017. Selangor recorded the highest number of registrations, with 3,409 cases, which increased to 3,949 cases between 2018 and 2023. Factors contributing to the non-compliance with maintenance orders include the negligence of the plaintiff and the lack of deterrence associated with court orders. The committal order is one of the enforcement mechanisms available for ensuring compliance with maintenance orders. In the state of Selangor, committal orders are specifically

Copyright

© 2025 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

provided for under Sections 151, 181, and 229 of the Syariah Court Civil Procedure Enactment (Selangor) 2003 (ETMSS 2003). This study aims to examine the potential of committal orders in addressing non-compliance with maintenance orders and to identify the challenges in enforcing such orders in Selangor. Employing a qualitative research design, the study utilises document analysis and semi-structured interviews. Data were analysed using descriptive and inductive methods. The findings indicate that committal orders have the potential to function as an effective enforcement mechanism for recovering outstanding maintenance. However, several challenges hinder their implementation, including the attitudes of the parties involved, weak enforcement mechanisms, high fees, and prolonged trial periods. The study proposes several recommendations to improve the enforcement of maintenance orders, such as fee and cost harmonisation, case consolidation, and streamlining the claims process. The implications of this study offer updated information to applicants regarding the use of committal orders as an enforcement alternative and provide valuable insights for policymakers in formulating effective strategies to overcome the challenges of enforcing maintenance orders.

KEYWORDS

Committal Order, Imprisonment, Maintenance Order

PENGENALAN

Pada era serba moden kini, terdapat dua sistem mahkamah yang terdapat di Malaysia iaitu mahkamah sivil dan mahkamah syariah. Menurut Nur Amalina & Mohd Norhusairi, suatu perintah yang dikeluarkan sama ada oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil, ia perlu untuk dipatuhi. Kedua-dua mahkamah ini mempunyai peruntukan dari sudut harta. Disisi mahkamah syariah, peruntukan mengenai harta disebut sebagai (mal) dan dibina enakmen khusus yang dikenali sebagai Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah. Terdapat pelbagai peruntukan yang terdapat dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah negeri-negeri yang bertujuan mengembalikan hak-hak mereka yang teraniaya.

Dari sudut nafkah, secara ringkasnya pihak-pihak ingin menuntut hak nafkah perlu memulakan dengan memohon perintah nafkah. Seandainya perintah tidak dipatuhi pihak plaintif boleh memohon tunggakan nafkah. Jika perintah mahkamah masih diabaikan, pada tahap ini plaintif boleh memohon untuk menguatkuasakan perintah. Berdasarkan kajian Zaini Nasohah & Suwaid Tapah, penguatkuasaan perintah boleh dipohon bagi mendepani fenomena kadar kes-kes ingkar nafkah yang tinggi. Penguatkuasaan perintah nafkah mempunyai pelbagai peruntukan seperti Saman Penghutang Penghakiman, Tahanan Pendapatan, Sita dan Jual, Hiwalah, dan juga Perintah Komital. Perintah komital ialah suatu perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah terhadap pesalah yang dianggap menghina mahkamah atau tidak mengikut arahan mahkamah yang diperintahkan kepadanya. Oleh itu mahkamah boleh menjatuhkan hukuman dengan memenjarakan pesalah tersebut. Walau bagaimanapun, dari sudut aturan aplikasi

hukuman, Berdasarkan Mahamad Naser Disa, Jabatan Penjara Malaysia berpandangan bahawa penjara seharusnya dijadikan sebagai hukuman terakhir dalam menegakkan sistem keadilan jenayah. Begitu juga menurut Zanariah Noor (2014) mengatakan pada kebiasaannya hukuman penjara akan dikenakan sebagai pilihan terakhir.

Mengikut statistik yang dikeluarkan Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, sebanyak 5,810 kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah dari tahun 2015 hingga 2018. Selain itu, Statistik permohonan tuntutan nafkah di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor bagi tahun 2018 hingga 2023 sebanyak 3,949 kes keseluruhan dengan tuntutan nafkah anak sebanyak 3,713 dan nafkah isteri 236 kes. Manakala statistik kes komital pula, sebanyak 96 kes yang direkodkan di seluruh Malaysia, dan Selangor mencatatkan 2 kes bermula tahun 2000 sehingga 2017.

Perintah komital dari aspek nafkah bertujuan untuk memberi pengajaran kepada pihak-pihak yang tidak mematuhi perintah mahkamah dan bertujuan mendapatkan semula hak nafkah yang sekian lama tertunggak. Dalam pengamalan kes komital di mahkamah syariah pula, wujud situasi kes dimana hakim menentukan jumlah pemenjaraan berbeza-beza. Ada hakim menetapkan tempoh 3 hari, 21 hari, 30 hari. Walaupun tempoh yang diperintahkan mengikut ijtihad hakim, namun hakim masih perlu mengikut peruntukan yang ada dari segi tempoh pemenjaraan agar tidak melebihi had maksimum. Permasalahan yang berlaku apabila ada peruntukan yang tiada tempoh masa yang diperuntukkan secara khusus. Justeru itu, kajian ini akan melihat kepada sejauh mana potensi perintah komital untuk diamalkan

dan cabaran-cabaran yang terdapat dalam menguatkuasakan perintah komital.

METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan temubual separa berstruktur. Temubual telah berlangsung sekitar 60-80 minit maksimum. Temubual dirakam bagi tujuan penganalisisan dan dipersetujui oleh semua responden. Kajian ini telah menemu bual seramai 5 orang terdiri daripada Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor (R1), Hakim Mahkamah Rayuan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (R2), Penolong Pengarah Kanan Jabatan Bantuan Guaman Selangor (R3), Penolong Pengarah Kanan Bantuan Sokongan Keluarga Selangor (R4) dan Pegawai Penyelidik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (R5).

Pada peringkat pengumpulan data, analisis dokumen dipraktikkan. Maklumat dicerap dan dianalisis dari sumber primer seperti al-Quran dan al-Sunnah, selain sumber seperti Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah, artikel jurnal, hujahan kes, laman web JKSM, JAKESS, dan statistik dari BSK dan JKSM. Data-data hasil temubual terdiri daripada pandangan mengenai potensi perintah komital, cabaran penguatkuasaan komital dan juga prosedur perintah nafkah. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan induktif.

KONSEP PERINTAH KOMITAL DARI PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG ISLAM

Penjara menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka ialah tempat atau bangunan penjenayah dikurung sebagai hukuman. Penjara termasuk dalam bentuk hukuman yang menyekat kebebasan atau penahanan. Maksud penahanan di sini ialah menghalang seseorang daripada melakukan sesuatu. Manakala dari segi istilah syarak, menurut Ibn Qayyim, tahanan dalam istilah syarak bukanlah mengurung seseorang dalam tempat yang sempit tetapi melarangnya daripada melakukan sesuatu sama ada di rumah, masjid atau di mana-mana sahaja. Manakala menurut al-Kāsānī, orang yang ditahan itu dilarang dari keluar untuk melakukan pekerjaan, menghadiri keramaian, pengebumian jenazah, pusat perubatan, dan berziarah.

Dalam undang-undang Islam, hukuman penjara termasuk dalam hukuman ta'zīr. Kesalahan ta'zīr dan hukuman yang dikenakan itu tidak dijelaskan oleh syariah Islam dan ianya terpulang kepada pemerintah dalam menetapkan hukuman. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang dalam satu artikel menyatakan falsafah penjara dalam Islam bermotifkan memberi peluang kepada pesalah menjalani sesi pemulihan dan bertaubat, bukan bertujuan menyeksa pesalah dengan menarik balik hak kebebasan mereka. Ia juga berbeza dengan hukuman penjara sivil.

Menurut Abdul Qādir Awdah hukuman penjara tidaklah melainkan hukuman kedua dan tidak

dikenakan melainkan atas kesalahan yang ringan, ia merupakan hukuman yang menjadi pilihan bagi hakim sama ada melaksanakan atau meninggalkannya, dan boleh diaplikasikan jika hakim berasa hukuman itu akan membawa faedah.

Di Malaysia, hukuman penjara merupakan salah satu hukuman yang perlu dilalui oleh mereka yang disabitkan dengan kesalahan undang-undang, tidak kira pesalah itu lelaki mahupun wanita. Menurut Siti Jamiaah, penjara bukan sahaja sebagai tempat menjalani hukuman, malah merupakan satu tempat pemulihan kepada penghuninya. Entiti yang bertanggungjawab untuk menahan dan menempatkan pesalah-pesalah yang disabitkan hukuman pemenjaraan ialah Jabatan Penjara Malaysia. Menurut Jamaludin, M. et.al, Jabatan Penjara Malaysia merupakan sebuah entiti koreksional yang memainkan peranan sebagai institusi penahanan dan pemulihan bagi pesalah dan penjenayah yang mendapat perintah dari mahkamah untuk menjalani pengasingan dan pemulihan untuk jangka waktu yang ditetapkan oleh mahkamah. Selain itu, Pajar Hatma menjelaskan bahawa penjara juga ialah merupakan sebuah institusi untuk mengubah penjenayah menjadi warganegara yang lebih baik.

PELAKSANAAN PERINTAH KOMITAL KERANA INGKAR NAFKAH DI MAHKAMAH SYARIAH

Peruntukan perintah pengkomitan ada diperuntukkan dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah negeri-negeri. Walau bagaimanapun, kajian ini memfokuskan negeri Selangor yang menggunakan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Selangor 2003. Komital terkandung dalam proses untuk menguatkuasakan perintah, seperti penguatkuasaan perintah bagi pembayaran wang, penguatkuasaan perintah bagi pemberian harta tidak alih, dan penguatkuasaan penghantarserahan harta alih.

Perintah komital boleh dipohon melalui pelaksanaan prosiding pengkomitan berdasarkan Seksyen 181 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003 (ETMSS 2003) kerana ingkar arahan dalam saman penghutang penghakiman, Seksyen 151 (1) bagi memohon notis tunjuk sebab kerana ingkar perintah mahkamah dan prosiding penghinaan mahkamah melalui Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003 Seksyen 229 (1). Permohonan bagi mendapatkan pelaksanaan perintah pengkomitan boleh dilakukan seandainya pihak yang telah mendapat perintah itu mengingkari, melakukan kecuaiian ataupun gagal untuk melaksanakan arahan yang telah dikeluarkan terhadapnya. Menurut Ismail & Sulong, melalui penguatkuasaan perintah nafkah, seseorang ayah boleh dipenjarakan selama sebulan atau beberapa bulan bergantung kepada berapa bulan nafkah tidak ditunai.

Seksyen 181 (1) ETMSS 2003 menetapkan penjara sehingga sebulan boleh dikenakan terhadap pihak yang melanggar perintah mahkamah.

“(1) Mahkamah boleh, selepas mendengar penghutang penghakiman yang hadir menurut suatu notis penghakiman di bawah seksyen 180, membuat suatu perintah pengkomitan bagi tempoh yang tidak melebihi tiga puluh hari”.

Maksud “tidak melebihi tiga puluh hari” adalah tempoh maksimum yang boleh dikenakan terhadap pemiutang penghakiman. Dalam kes Haliza Zurah Binti Zulkefeli lwn Mohd Rodzan Hisham Bin Mohd Jamal Kes Saman No 10002-075-0189-2019. Pasangan ini telah bernikah pada 19 Januari 2008 dan telah bercerai pada 21 Mac 2016. Pada 4 Oktober 2018 Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam telah memutuskan bahawa defendan perlu membayar sebanyak RM 53 900 kepada plaintif atas nafkah yang tertunggak dan perlu menjelaskan dalam tempoh masa 90 hari dari tarikh dikeluarkan keputusan. Walau bagaimanapun, tiada sebarang pembayaran dibuat setelah berakhir tempoh yang ditetapkan. Oleh itu, plaintif telah memohon perintah pengkomitan terhadap defendan. Setelah diteliti dan disemak, hakim telah meluluskan permohonan plaintif dengan mengeluarkan perintah pengkomitan terhadap defendan selama 21 hari berdasarkan Seksyen 181 ETMSS 2003.

Seksyen 151 (1) (aa) ETMSS 2003 memperuntukkan hukuman komital bagi pihak yang enggan mematuhi perintah mahkamah atau mengingkari suatu perintah agar menahan diri dari melakukan sesuatu perbuatan. Peruntukan menyebut “Dengan kebenaran Mahkamah, perintah pengkomitan.” Namun menjadi persoalan ialah seksyen ini tidak menyatakan dengan jelas berapa lamakah tempoh pemenjaraan yang diperuntukkan. Walaupun tiada tempoh yang tepat, tetapi amalan mahkamah rayuan menjelaskan bagaimana peruntukan seksyen 151 boleh digunakan. Pelaksanaan seksyen ini boleh dilihat dalam kes Azizah Bt Yaacob lwn Mustakim Bin Hassan, No Kes 10100-034-0343- 2014. Pada 3 September 2013, Mahkamah Tinggi Syariah Selangor memutuskan jumlah nafkah anak tertunggak adalah sebanyak RM 150 000 dan pembayaran secara ansuran sebanyak RM 500 sebulan. Kecuaian dalam pembayaran menyebabkan plaintif memohon Perintah Notis Tunjuk Sebab dan mahkamah meluluskan pada 16 Julai 2014. Namun disebabkan sikap defendan yang masih tidak mematuhi perintah, plaintif memohon untuk mengkomital defendan dan mahkamah memerintahkan defendan dikomital selama satu (1) bulan.

Selain itu, seksyen 229 (1) ETMSS 2003 pula mengenai komital kerana menghina mahkamah. Kesalahan menghina mahkamah terbahagi kepada dua bahagian iaitu penghinaan dalam mahkamah dan luar mahkamah. Penghinaan itu termasuk mencaci hakim, termasuk juga memburukkan imej mahkamah secara umum. Menurut Mawardi, standardnya ialah perbuatan itu membuatkan mahkamah rasa terhina. Mana-mana pihak yang melanggar salah satu dari dua

bahagian tersebut boleh dikenakan hukuman penjara. Peruntukan menyebut

“(1) Mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk memulakan prosiding terhadap mana-mana orang kerana menghina mahkamah dan boleh dalam prosiding sedemikian, membuat suatu perintah pengkomitan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau boleh mengenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit.”

Suatu perintah pengkomitan boleh dikeluarkan terhadap individu ataupun jika yang disabit itu sebuah syarikat atau organisasi, maka perintah pengkomitan boleh dikenakan terhadap pengarah atau mana-mana pegawai yang bertanggungjawab bagi menguruskan pertubuhan itu, melainkan jika perbuatan menghina mahkamah tersebut telah dilakukan oleh pertubuhan itu dan tidak mendapat persetujuannya. Namun sekiranya terdapat sesiapa yang melakukan apa sahaja perbuatan atau mengambil apa-apa prosiding dengan menggunakan nama orang lain dengan mengetahui bahawa dia tidak dibenarkan oleh mereka yang digunapakai namanya itu, maka sesiapa yang melakukan perbuatan ini juga dikira sebagai menghina mahkamah.

POTENSI PERINTAH KOMITAL

Sejajar dengan peredaran zaman dan perkembangan hukum, keperluan dalam menyelesaikan kes-kes di Mahkamah Syariah menjadi satu yang dititikberatkan. Menurut Mahmod, Z. et al., kecuaiian mematuhi keputusan mahkamah merupakan satu kesalahan menurut undang-undang. Pelbagai tatacara telah direncana bagi memenuhi tuntutan kes sesuai dengan peredaran masa tanpa menafikan garis panduan syarak. Bagi memenuhi hak mereka yang teraniaya, tahap keberkesanan sesuatu perintah menjadi perkara yang sering dipandang serius oleh plaintif. Plaintif yang mengajukan kes ke mahkamah biasanya ialah mereka yang ternafi hak-hak nafkah mereka untuk tempoh masa yang lama. Dalam erti kata lain, mereka yang membawa dan mendaftarkan kes ke mahkamah kebiasaannya ialah para ibu yang sememangnya bertekad untuk mendapatkan hak mereka. Oleh itu, menggunakan peruntukan undang-undang adalah cara yang menjadi pilihan dalam proses penyelesaian hak-hak nafkah dan lain-lain.

Setiap permohonan yang difailkan, sudah pasti diharapkan ia adalah suatu permohonan yang mempunyai tahap keberkesanan yang tinggi dan penjimatan masa yang efektif. Responden 1# dan 4# mengakui komital merupakan kaedah yang berpotensi dalam mengembalikan hak.

“Jalan terakhir komital, kebanyakannya kami fail komital lah jalan yang terbaik kami ada” (R1)

“Selangor memang banyak komital ni, memang berpotensi pun, itulah antara kaedah penguatkuasaan yang popular sekarang ni komital, sikit-sikit komital. So memang berpotensi besar, sebab dia adalah jalan

singkat untuk memaksa orang melaksanakan perintah dengan harapan ada penjara, orang akan buat, laksanakan itu ja” (R4).

Dari data-data yang diperoleh, bilangan permohonan berkaitan perintah pengkomitan berubah-ubah dari segi jumlah dari tahun ke tahun. Dalam Permohonan Kebenaran Perintah Komital di Selangor (jadual 1) menunjukkan tiada kes yang dipohon pada tahun 2016, pada tahun berikutnya terdapat satu permohonan yang difailkan dan kembali tiada permohonan pada 2018, namun begitu pada 2019 terdapat 4 kes yang dipohon diikuti satu kes pada 2020. Selain itu, analisis yang dibuat pada permohonan Notis Penghakiman menunjukkan permohonan ini lebih selesa dipilih bagi pihak-pihak untuk sabitan komital. Bermula 2 kes pada 2016, diikuti 17 kes pada 2017 dan meningkat kepada 30 kes yang dipohon pada 2018 dan 49 kes pada 2019, kemudian pada 2020 terdapat 33 kes yang dipohon. Bagi permohonan komital pula, tiada kes yang dicatatkan pada tahun 2016, satu kes dipohon pada 2017 dan meningkat sebanyak 2 kes pada 2018 dan kemudiannya permohonan perintah komital mencatatkan 4 kes yang dipohon pada 2019, manakala tiada kes pada 2020

Jadual 1: Bilangan Kes Berkaitan Perintah Komital di Selangor

Kes	2016	2017	2018	2019	2020	JUMLAH
Permohonan Kebenaran Perintah Komital	0	1	0	4	1	6
Notis Penghakiman	2	17	30	49	33	131
Komital	0	1	2	4	0	7
JUMLAH	2	19	32	57	34	144

Dari dapatan yang diterima, hukuman pemenjaraan di Selangor kurang mendapat perhatian bagi pemohon pada tahun 2016 dan beransur-ansur dipilih pada tahun-tahun berikutnya. Suatu perintah komital yang dikeluarkan biasanya menjadi kegerunan kepada penghutang. Keberkesanan perintah komital dapat dilihat apabila mahkamah menetapkan perintah pengkomitan terhadap mana-mana defendan, biasanya mereka akan sedaya upaya menyediakan wang yang mencukupi bagi mengelakkan mereka dikenakan hukuman penjara. Laporan mengenai keberkesanan kes komital dapat dilihat menerusi kes *Zarela Aizul Binti Zulkifli Iwn Mohd Radzi Bin Mohd Zaidy No Kes 1002- 023-0422-2018*. Mahkamah memerintahkan defendan membayar tunggakan nafkah anak sebanyak RM 6500 dan pembayaran perlu dibuat secara ansuran RM 150 sebulan. Walaubagaimanapun defendan gagal menjelaskan hutang tersebut dan plaintif selama 15

bulan. Plaintif memohon permohonan Notis Tunjuk Sebab yang boleh membawa kepada pemenjaraan dan setelah sebutan kes dilakukan, defendan menjelaskan hutangnya secara beransur-ansur sehingga selesai.

Hasil dari temubual yang dijalankan, kesemua responden berpendapat bahawa perintah komital merupakan satu perintah yang berkesan dalam mengembalikan semula nafkah yang tertunggak. Plaintif yang dikenakan hukuman penjara akan berusaha menjelaskan segala hutang.

“Pada kami jalan terbaik tu perintah komital la, sebab dia takut sikit. Kadang bila dia dah kahwin isteri dia akan bayar, isteri baru dia” (R1).

“Ok encik nak bayar ke taknak? Kalau encik taknak saya ada kuasa untuk memenjarakan encik, komital. Saya tengok encik pendapatan ada, berapa encik nak bayar dari lima ribu ni. Saya ada kuasa untuk memenjarakan encik. Dengar je penjara dah mula kelam kabut” (R2).

“Jadi potensinya kalau pada saya kalau dikira keberkesananannya memang sangat berkesanlah untuk mengajar mereka ni” (R3).

“Dia salah satu cara yang berkesanlah. Sekarang pun antara pilihan-pilihan yang ada komital la, komital ni langgar perintah, apa sahaja perintah kita boleh buat komital” (R4).

“Memang terbukti lah kebanyakan kes pada saya lah” (R5).

CABARAN-CABARAN PERINTAH KOMITAL

Pelaksanaan perintah nafkah dilakukan bertujuan bagi mendapatkan nafkah yang sepatutnya diperoleh, manakala penguatkuasaan perintah nafkah pula dipohon bertujuan mengembalikan semula hak pihak-pihak yang kecewa dengan perintah nafkah yang diabaikan. Namun kajian ini mendapati terdapat beberapa cabaran dalam proses pelaksanaan dan penguatkuasaan nafkah yang wajar diambil perhatian.

Sikap Ketidakpatuhan Pihak-Pihak

Berdasarkan temubual bersama kesemua responden, antara faktor yang menjadi cabaran terbesar ialah isu sikap ketidakpatuhan pihak-pihak.

Responden 2# dan 5# menyatakan sikap pihak-pihak sama ada plaintif mahupun defendan menjadi antara cabaran dalam menguatkuasakan perintah nafkah.

“Biasanya cabaran pihak plaintif pihak defendan. cabaran dari sikap pihak-pihak lah” (R2).

“Tapi kalau dia dah simpan lama, dia dah cari dokumen-dokumen bukti pun susah. Jadi tu berbalik kesedaran dan kefahaman tadi tu, kalau dia tahu dia akan mengambil tindakan cepat, dia takkan membuka

peluang satu pihak untuk membuat penganiayaan” (R5).

Manakala responden 1#, 4#, dan 3# berpendapat sikap pihak defendan yang tidak memberi kerjasama yang baik menyebabkan kes sukar ataupun mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.

“Cuma cabarannya tadi lah taktahu kat mana, ada satu kes yang masuk penjara tahun lepas, waran penjara dah lama dah, pergi cari kat sana sini baru jumpa, baru bawa ke mahkamah. Itu antara cabaran lah. (R1)”

“Ok cabarannya gini, pertama bila perintah tu dikeluarkan, kita nak sampaikan pada pihak responden tu yang paling susah. Sebab kemungkinan tak jumpa dah responden tu dimana-mana tak jumpa” (R4).

“Contoh nak buat perintah nafkah, suami hilang, tak payah buat komital la kalau suami hilang, taktahu. Tapi kalau suami ada, boleh buat komital. Kalau suami takda, better sia-sia ja buat komital. Sebab orang tu tak dapat dijumpai” (R4).

Dari pengamatan yang dilakukan, kes-kes tunggakan nafkah sering terjadi disebabkan oleh sikap bapa yang sengaja tidak mematuhi kefardhuan yang dibebani terhadapnya, sebagai contoh kes Norzaini binti Alias lwn. Mohd Sharif bin Mohd Taib dimana di dalam kes ini plaintif memohon tuntutan nafkah anak yang tertunggak selama 13 tahun bermula dari kelahiran bayi sehingga tingkatan satu. Tuntutan nafkah yang difailkan oleh plaintif adalah sebanyak RM200 setiap bulan dan tunggakan nafkah sebanyak RM31 000. Defendan dalam jawapan balasnya menyatakan bahawa anak yang dituntut nafkah itu adalah anak tak sah taraf. Pada peringkat penghakiman hakim memutuskan defendan membayar nafkah anak RM200 setiap bulan dan tuntutan tunggakan nafkah ditolak serta tuntutan defendan untuk mengisytiharkan anak itu sebagai anak tak sah taraf juga ditolak mahkamah.

Kelemahan Penguatkuasaan Perintah

Kajian Mohd Zin, N. et al. mendapati bahawa dalam pemerhatian proses tuntutan penguatkuasaan nafkah di mahkamah syariah, terdapat kelompondan di dalam undang-undang terutamanya prosedur-prosedur membabitkan penguatkuasaan perintah nafkah. Dari sudut penguatkuasaan perintah nafkah, informan 2#, 3#, dan 4# berpandangan kelemahan penguatkuasaan perintah komital berpunca dari pihak-pihak yang terlibat dalam melaksanakan perintah.

“kelompondan dia kemungkinan pada pegawai mahkamah la, pegawai mahkamah yang kurang mahir” (R2).

“Jadi kelemahan-kelemahan tu pada manusia lah bukan pada undang-undang tu” (R2).

“Pada pandangan saya takdalah, takda dari sudut penguatkuasaan, kalau adapun mungkin sangat sedikit sangat minimalah dan mungkin disebabkan oleh bukan dari sudut undang-undang itu sendiri, tapi dari sudut pihak-pihak third party lah, pihak ketiga mungkin lawyer ke, hakim itu sendiri, gitulah orang yang melaksanakan” (R3).

“Pihak berkuasa pun dia ada masalah dia sendiri iaitu kekurangan anggota, ada kes lain, jadi kalau kita suruh polis yang buat, kes kita suami tak beri nafkah, yang dia nak laksana kes bunuh, kes rompak, jadi kes-kes macam ni tangguhlah dulu. Haa sebab anggota tak cukup” (R4).

“Kelemahan dari sudut penguatkuasaan terpulang kepada pihak-pihak lah dia nak guna kaedah mana untuk kuatkuasa, kalaulah pihak pemohon ini menggunakan komital untuk kuatkuasa maka proses yang ada ialah pihak penghutang akan dibawa ke mahkamah untuk dia menunjuk sebab kenapa dia tak boleh dipenjarakan kerana langgar perintah mahkamah. Jadi kelemahan dekat situ kita letakkan beban itu kita letakkan ke atas responden” (R4).

Bayaran Fi Yang Mahal

Permohonan yang membawa kepada penyelesaian masalah adalah perkara utama yang menjadi tujuan mereka yang menuntut hak. Menurut Zaleha Kamaruddin et al., wujud pelbagai keluhan dalam kalangan ibu yang mendapat hak jagaan anak terhadap prosedur tuntutan nafkah anak yang rumit dan bayaran fi peguam yang tinggi. Lantaran itu dalam beberapa keadaan kes yang mudah terkadang menjadi sukar untuk dilaksanakan kerana bayaran yang dikenakan agak tinggi seperti mana yang dinyatakan responden 2#, 3# dan 4#.

“Kalau peguam sivil ada undang-undang sendiri, kalau kes mcm ni berapa banyak ambik dia dah ada fees and cost dia, kalau peguam syarie tak tertakluk, ada undang-undang fees and cost tu, tapi untuk peguam takda, peguam bebas, itu pasal peguam syarie ni kalau nak jadi kaya sebab dia takda undang-undang yang nak menghalang nak ambik berapa ribu” (R2)

“Cuma yang ada kita ialah kaedah fi dan kos yang ada dalam tatacara mal tu yang boleh digunakan oleh peguam-peguam, tapi mereka pun tak pakai benda tu, mereka mengikut semasa, kadar semasa rate semasa” (R3).

“Jadi kalau peguam tu ada nama masuk paper mahal la. Itu fee peguam kita tak masuk campur. Tapi mahkamah dalam 50-60 ringgit dah boleh buka fail” (R4).

Keputusan Hakim

Menurut Zulzaidi Mahmod & Ahmad Hidayat Buang, kredibiliti seseorang hakim dalam membuat keputusan merupakan perkara terpenting dalam

institusi kehakiman selain dari cara penghakiman serta alasan penghakiman. Dapatan kajian mendapati terdapat hakim di mahkamah syariah kurang memahami metodologi penghakiman dan keputusan yang diputuskan adakalanya tidak praktikal serta terdapat hakim yang seolah-olah tidak berani menggunakan perintah komital walaupun undang-undang mengenai komital wujud dalam penguatkuasaan nafkah sepertimana yang dinyatakan responden 2# dan 3#.

“Tinggal lagi kalau kadang-kadang hakim ni tak mahir, dia tak gunakan tu, ataupun dia ni takut-takut. Itu yang kita tengok kadang-kadang orang luar komplek kenapa mahkamah syariah kes nafkah lambat.” (R2)

“Perintah tu ada dalam enakmen dan akta tu, tinggal lagi hakim yang taknak gunakan, tu yang saya cakap tadi hakim tu tak cekap, dia taktau dimana dia nak gunakan komital tu” (R2).

“Yang pertama tu prosedur kena betul, ikut peraturan, hakim akan semak dulu adakah tuntutan ini dibuat mengikut tatacara yang dibenarkan ataupun ada kelompongan ataupun ada kesilapan teknikal ke atau sebagainya. Haa itu hakim kena perbetulkan dulu ataupun istilah lain hakim kena ikut prosedur. Yang kedua, ketika prosedur dah betul dan sebagainya, kes prosiding pula ya kes perbicaraan. Hakim perlu berhati-hati, apabila kena berhati-hati ni maknanya hakim kena buat siasatan yang maksudnya betul lah. Jangan lebih kurang sambil lewa tak boleh, memang fakta yang dinyatakan itu adalah betul, kemudian jawapan yang diberikan oleh satu pihak lagi adalah betul, jadi semua tu hakim akan mengadun dan hakim akan membuat sama ada perintah komital itu akan dikeluarkan ataupun tidak” (R3)

Tempoh Prosiding Yang Panjang

Permasalahan masa sentiasa menjadi antara cabaran utama dalam pelaksanaan perintah pengkomitalan. Hal demikian kerana untuk sesuatu kes itu sampai ke tahap komital, kes tersebut perlu melalui turutan perintah yang diperuntukkan. Setiap satu perintah biasanya memakan masa untuk pemohon melanjutkan lagi ke perintah seterusnya. Kajian Jazilah Md Saad@Mat Saud et al. mendapati tempoh masa perbicaraan kes dari awal hingga selesai berbeza-beza dan menurut Mohd Zin, Najibah et al. terdapat kes yang diselesaikan dalam masa 6 bulan, ada juga 1 tahun, 2 tahun, lebih dari 2 tahun dan terdapat juga kes yang memerlukan 10 hingga 20 tahun untuk dikuatkuasakan. Responden 1# menjelaskan cabaran-cabaran yang wujud dalam menguatkuasakan perintah menyebabkan masa yang panjang, serta mendatangkan kesukaran kepada plaintif.

“Dia ada step dia, nafkah, tunggakan, saman penghutang penghakiman dan juga notis penghakiman. Itulah cabaran-cabaran diorang lah. Untuk permohonan nafkah, ada negeri-negeri bila

bercerai tu keluar terus perintah nafkah, itu yang sepatutnya. Kadang nak dapat perintah nafkah ni 2 tahun, barulah dapat perintah. Contoh dapat perintahnya failkan 2018, perintah keluar 2020 bayarnya 500. 2020 tak bayar lagi, failkan pulak saman penghutang penghakiman, dapat perintah SPP 2022, dari 2018-2020 tak dapat lagi satu sen pun duit, 2023 barulah nak failkan notis penghakiman. Itu antara cabaranlah.” (R1).

“Sebab ia melibatkan contohnya dari segi pihak defendan tu, dalam isu ni dia dah, satu sukar dikesan dan sampaikan saman, waran tangkap, mahkamah kena keluarkan waran tangkap dulu sebelum keluarkan penjara tu, kalau dia tak hadir lah, kalau dia hadir takda masalah. Kadang-kadang kes tempoh ialah setahun pun belum selesai lagi. Kalau kita tengok simple je kan, tak bayar” (R1).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pemakaian perintah komital adalah berasaskan enakmen-enakmen yang telah dikanunkan. Tindakan penguatkuasaan yang membawa kepada komital juga secara dasarnya mengikuti lunas undang-undang. Berdasarkan penelitian, perintah komital sememangnya berpotensi mengembalikan hak-hak yang tertunggak. Kajian Zanariah Noor mendapati hukuman penjara akan lebih berkesan berbanding denda yang dirasakan terlalu ringan dan diambil mudah oleh pihak yang melanggar peraturan tersebut. Dalam erti kata lain, perintah komital bagaikan satu kunci yang menjadi ancaman kepada penghutang untuk menyelesaikan hutang mereka. Mohd Nadzri menyatakan pemenjaraan adalah patut dan wajar jika pada fikiran mahkamah tiada jalan lain bagi melaksanakan perintah pembayaran tersebut.

Namun begitu, terdapat cabaran-cabaran biasanya dihadapi dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah. Punca utama perintah tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna ialah disebabkan sikap pihak-pihak perbuatan pihak yang tidak mematuhi perintah mahkamah hanya menyebabkan kesengsaraan bagi pihak lain. Oleh itu, langkah utama untuk mendepani cabaran ini ialah dengan ilmu dan kesedaran tentang kewajipan nafkah. Selain itu, kelemahan dari sudut penyampaian notis juga merupakan cabaran yang terpaksa dihadapi. Perkara ini perlu dianalisis untuk mencari penyelesaian bagi menjamin kecekapan proses dan pengurusan penguatkuasaan nafkah.

Tambahan lagi, keupayaan plaintif berbeza-beza. Kos tinggi yang diletakkan menyebabkan sesetengah individu tidak mampu untuk meneruskan tuntutan di mahkamah. Penyelarasan amaun dan penguatkuasaan dari sudut fi dan kos dirasakan dapat membantu pelbagai lapisan pemohon. Disamping itu, dari segi kerjasama penguatkuasa dan keputusan hakim yang berbeza-beza mendatangkan kesukaran kepada proses mendapatkan nafkah dan perintah komital. Persoalan masa turut menjadi isu yang dihadapi bagi mendapatkan sesuatu perintah. Plaintif

terpaksa menunggu untuk masa yang lama jika tidak mendapat kerjasama dari defendan, malah satu tuntutan ke satu tuntutan yang lain terkadang boleh memakan masa bertahun. Oleh itu, gabungan sebutan kes atau meringkaskan jenis tuntutan boleh dijadikan alternatif dalam mempercepatkan proses kes.

Secara ringkasnya permohonan perintah nafkah boleh dipohon jika suami atau bapa tidak menunaikan nafkah wajib. Seandainya setelah mendapatkan perintah nafkah, pengabaian masih berlaku, pihak yang terkesan boleh memohon tuntutan tunggakan nafkah. Jika responden masih juga ingkar, pemohon boleh memohon untuk menguatkuasakan perintah dengan kaedah-kaedah yang diperuntukkan sama ada Penahanan Pendapatan, Hiwalah, Sita dan Jual, Saman Penghutang Penghakiman ataupun Komital.

KESIMPULAN

Hasil perbincangan diatas mendapati kes-kes nafkah yang tertunggak dapat diatasi dengan menguatkuasakan suatu perintah penguatkuasaan yang berkesan. Perintah komital dilihat berpotensi dan berkesan dalam mengembalikan semula nafkah yang tertunggak kerana lazimnya defendan akan berasa gerun dengan perintah penjara komital. Penulis ingin mencadangkan beberapa langkah bagi mendepani cabaran-cabaran perintah komital dan penguatkuasaan perintah nafkah. Langkah utama ialah dengan mengadakan kempen kesedaran dan seminar nafkah kepada masyarakat awam mengenai kewajipan nafkah. Selain itu, penyelarasan dari sudut fi dan kos mahkamah syariah berkaitan kes nafkah yang dapat membantu pihak pihak dari dikenakan fi yang mahal. Penggabungan sebutan kes serta meringkaskan tuntutan yang perlu dipohon juga dapat mengatasi masalah tempoh prosiding kes yang panjang. Tambahan lagi, kajian ini turut memberi implikasi kepada penggubal undang-undang untuk merencana strategi berkesan bagi mengatasi cabaran-cabaran penguatkuasaan perintah nafkah selain memberi informasi terkini kepada pemohon mengenai alternatif perintah komital

RUJUKAN

- ‘Abdul Qādir‘Awdah. 2008. *Al-Tashrī‘ Al-Jināi Al-Islāmī Muqārīn Bi Al-Qānūn Al-Waḍ‘ī*. Muassasah Al-Risālah
- al-Kāsānī. 1986. *Badāi‘ Al-Ṣanāi‘ Fī Tartīb Al-Sharāi‘*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Jilid ke-4. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Arahan Amalan No. 3 Tahun 2012. Dicapai daripada <http://syariah.terengganu.gov.my/files/AA201203.pdf>
- Asari, K.N, Makhtar, M., N.A., Abdullah Asuhaimi, F. & Pauzai, N. A. (2017) Iddah maintenance: concept, issues and methods of enforcement. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 25 (S): 2017
- Azizah Bt Yaacob lwn Mustakim Bin Hassan, 10100-034-0343- 2014.
- Bahiyah Ahmad, Raihanah Hj. Azahari, Asmak Ab Rahman, & Mazni Abdul Wahab. (2020). Assessing the rate of child maintenance (financial support) from a shariah perspective the case of Malaysia. *Al-Jāmi‘ah: Journal of Islamic Studies. Vol. 58, no. 2* (2020), pp.293-322,
- Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2003
- Haliza Zurah Binti Zulkefeli lwn Mohd Rodzan Hisham Bin Mohd Jamal, 10002-075-0189-2019
- Ibn Qayyim. 2002. *Al-Turk Al-Hukmiyyah Fī Al-Siyāsah Al-Shar‘iyyah*. Kaherah: Dār al-Hadith.
- Ismail, M.H., & Sulong, J. (2020). Enforcement child-maintenance payment using judgement debtor summons and judicial notice: a Penang case study. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(7), 187-200
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. (2024). Penjara khas pesalah syariah perlu diwujudkan. Dicapai daripada <https://jksnpp.penang.gov.my/index.php/en/media-menu/court-publication?view=article&id=81:penjara-khas-pesalah-syariah-perlu-diwujudkan&catid=18:penerbitan-mahkamah>
- Jazilah Mohd Saad@Mat Saud, Afridah Abbas, Noraini Hashim, & Saodah Wok. (2013). Mechanism of enforcement and execution of muslim maintenance order: court - based system. (2013) 21 *IJUMIJ*. 205
- Mahamad Naser Disa. (2011), Perintah pemulihan sebagai hukuman alternatif dalam undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Kertas Seminar Pendakwaan Syariah, Bhg. Pendakwaan JAIS.
- Mahmod, Z., Buang, A. H, & Baharuddin, A. (2021). Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Penghakiman Mahkamah Syariah: Kajian di Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Seksyen Sarawak) Terhadap Hak Wanita dan Kanak-Kanak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 41-50
- Mawardi Che Man. 2012. Prosiding pengkomitan (seksyen 151) (Negeri Selangor) 2003. (November):
- Mohd Nadzri Abdul Rahman. (2013). *Undang-undang tatacara mal Mahkamah Syariah prinsip dan amalan*. Anugerah Cekal Sdn Bhd.
- Mohd Zaidi Md Zain @ Zakaria, & abdullah Hj. Abdullah. (2018). Tuntutan fasakh: kajian dari perspektif undang-undang tatacara mal. *Journal of Shariah Law Research* (2018) vol. 3 (1).16
- Mohd Zin, Najibah., Md Hashim, Noraini., Abdul Hak, Nora., Che Soh @ Yusoff, Roslina., Kamaruddin, Ibrahim., Mohd Helmi, Md Said. (2015). A baseline study of the enforcement of nafkah orders in the Selangor Syariah Court. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 23 (S). pp. 327-336.
- Norzaini binti Alias lwn. Mohd Sharif bin Mohd Taib, [2001]16 bhg II, 101-116
- Norman Zakiyy, Nur Suhaida Che Musa, Zahari Mahad Musa, Zulfakar Mamat dan Noor Fajri Ismail. (2021). Khidmat Bantuan Guaman Bagi Individu Yang Kehilangan Pekerjaan Akibat Daripada Wabak Covid-19. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021 “Wawasan Kemakmuran Bersama

- 2030” Khamis, 9 September 2021 Universiti Sains Islam Malaysia
- Nur Amalina Azman, & Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2017). Perintah tahanan pendapatan tenaga: satu tinjauan literatur. *Journal of Shariah Law Research* (2017) vol. 2 (1) 121-134
- Pajar Hatma Indra Jaya. 2012. Efektifitas penjara dalam menyelesaikan masalah sosial. *HISBAH: Jurnal Bimbingan Konseling Dan Dakwah Islam*.
- Siti Jamiaah Abdul Jalil. 2017. Pengaruh program keagamaan dan sokongan sosial terhadap konsep sendiri, kebimbangan dan kemurungan: kajian dalam kalangan banduan wanita di Malaysia. Universiti Malaya.
- Zaini Nasohah. (2009). Cabaran Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah Nafkah Di Mahkamah Syariah Negeri Selangor Dari Perspektif Peguam Syarie. *Jurnal Undang-undang*, 13. ISSN 1394-7729 hlm 118
- Zaini Nasohah & Suwaid Tapah. (2001). Analisis pelaksanaan prosiding saman penghutang penghakiman dalam penguatkuasaan perintah pembayaran nafkah: kajian kes mahkamah syariah negeri Selangor. *Jurnal Undang-undang & Masyarakat* 15 43-52
- Zaleha Kamaruddin, Mohd. Sahari Nordin dan Azizah Mohd. Kajian Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia 2001– 2005. Cawangan Penyelidikan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Putra Jaya. 2
- Zanariah Noor, (2014), Penafian akses: rujukan kepada kes-kes yang diputuskan di mahkamah syariah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Jil. 22, Bil. 2 (2014) 129-160
- Zanariah Noor. (2010). Aplikasi prinsip kebajikan kanak-kanak dalam kes hadhanah. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. 91
- Zarela Aizul Binti Zulkifli lwn Mohd Radzi Bin Mohd Zaidy, 1002- 023-0422-2018.
- Zulzaidi Mahmod & Ahmad Hidayat Buang, 2016, Kehakiman dan Penghakiman Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Sorotan. *Journal of Shariah Law Research* (2016) vol. 1 (2). hlm. 201-212.

Journal of Contemporary ISLAMIC LAW

Volume: 10 Issue: 1

ISSN 2976-3916 eISSN: 0127-788X

JUNE 2025



Published by:
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
www.ukm.my/jcil

eISSN 0127-788X



9 770127 788006

KANDUNGAN / CONTENTS

Potensi Dan Cabaran Perintah Komital Kerana Ingkar Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah Selangor <i>The Potential and Challenges of Committal Orders for Contempt of Maintenance Orders in the Syariah Courts of Selangor</i> Mohamad Omar Mansu & Zaini Nasohah	1-9
نحو نموذج تكاملي للرقابة البرلمانية: دراسة مقارنة بين النظام المعاصر والتأصيل الإسلامي <i>Towards an Integrative Model of Parliamentary Oversight: A Comparative Study Between Contemporary Systems and Islamic Foundations</i> Jarrah E H F A Alazemi, Muhammad Nazir Alias & Anwar Fakhri Omar	10-18
Persepsi Wanita Muslim Di Selangor Berkaitan Faktor Perkahwinan Lewat Usia <i>Perceptions of Muslim Women in Selangor on the Factors Contributing to Late-Age Marriage</i> Nurul Izati Binti Mohd Zahir, Zuliza Mohd Kusrin & Norsyamlina Che Abdul Rahim	19-30
Duties of the Buyer Under the Sale of Goods in Shari'ah and International Trade Law Mazin Abdulhameed Hassan & Ahmad Azam Othman	31-42
Islamic Perspectives on the Use of Blood Plasma in Cosmetics: Jurisprudential Analysis and Contemporary Challenges Anisha Emilia Redzuan & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim	43-51
الحوكمة الرشيدة لمؤسسات الزكاة في فلسطين على ضوء الشريعة الإسلامية <i>Good Governance of Zakat Institutions in Palestine In Light of Islamic Law</i> Mohammed R. M. Elshobake	52-64